

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	4 FEB 2015

Komuniti pacu kejayaan pendidikan

» **Kecemerlangan pelajar perlu digembleng secara kolektif: Najib**

Oleh Abdul Razak Raaff,
Nik Sukry Ramli
dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Sokongan dan dokongan padu komuniti setempat menjadi faktor penentu dan berperanan penting memastikan kejayaan generasi muda dalam bidang pendidikan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, penyertaan ibu bapa, syarikat dan tokoh korporat penting untuk membantu kemajuan pendidikan dan kecemerlangan pelajar serta kejayaan sekolah dan institusi pendidikan di kawasan masing-masing.

Beliau berkata, ia juga adalah antara input utama bagi kejayaan sesebuah sekolah atau institusi pendidikan, sama ada berkaitan pencapaian akademik dan kurikulum, sekali gus melahirkan modal insan bermutu tinggi pada masa akan datang.

“Apabila kita menganggap pendidikan adalah bidang strategik negara, maka perlu menerima hakikat bahawa pelajar adalah aset penting negara yang boleh menjana kekayaan negara.

Sumber modal insan, intelek
“Malah, mereka yang juga bakal



Najib melawat galeri pameran selepas merasmikan Hotel Ancasa Royale, di Pekan, semalam.

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

sumber modal insan dan modal intelek adalah faktor pengeluaran yang lebih besar nilainya daripada hasil bumi, maka segala tumpuan perlu ditumpukan kepada bidang pendidikan negara.

“Jadinya, ia (pendidikan) perlu digembleng secara kolektif, komprehensif dan melangkaui peringkat nasional,” katanya berucap pada majlis penyampaian Hadiah Kecemerlangan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014 Parlimen Pekan di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah, di sini, semalam.

Pada majlis itu, 271 pelajar dari

18 sekolah sekitar Parlimen Pekan menerima hadiah sumbangan Yayasan Pahang.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan berkata, ibu bapa berperanan untuk memberi sokongan kepada semua aktiviti yang dijalankan di sekolah, termasuk menghadiri mesyuarat Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), sukan dan hari terbuka bagi menunjukkan komitmen mereka untuk memastikan kejayaan anak.

Pembangunan di Pekan

Sementara itu, Najib ketika merasmikan Hotel Ancasa Royale berkata, transformasi kerajaan

membangunkan Pekan sejak beberapa tahun lalu membolehkan lebih banyak pelabur berminat ke daerah itu, termasuk UDA Holdings Berhad (UDA) untuk membuka hotel.

Beliau berkata, Pekan yang sebelum ini terkenal sebagai bandar automotif dan pendidikan, kini turut menjadi pusat pelancongan berdasarkan alam semula jadi, sejarah dan budaya.

“Suatu ketika dahulu, mungkin sukar untuk membayangkan bahawa daerah ini ada sebuah hotel mewah bertaraf empat bintang seperti Hotel Ancasa Royale. Inilah hasil transformasi dan ke-

majuan yang dilakukan dengan membawa masuk pelabur dalam semua bidang.

“Keputusan UDA Holdings membina hotel sebegini dibuat berdasarkan empat asas yang ada di Pekan iaitu sebagai bandar diraja, destinasi pelancongan, bandar automotif dan pendidikan,” katanya.

Hotel Ancasa Royale bertaraf empat bintang dimiliki sepenuhnya UDA Holdings. Syarikat milik penuh Kementerian Kewangan itu memperuntukkan kira-kira RM70 juta membina hotel setinggi tujuh tingkat yang dilengkapi 133 bilik.